

Tokyo

Sebuah syarikat Jepun menawarkan pelbagai produk daging ikan paus yang boleh diperoleh pengguna menerusi mesin layan diri.

Presiden Kyodo Senpaku, Hideki Tokoro berkata, langkah itu sebagai strategi memulihkan semula jualan makanan yang semakin merosot.

"Banyak pasar raya utama takut diganggu kumpulan anti-penangkapan ikan paus supaya mereka tidak akan menggunakan ikan paus.

"Tetapi ramai orang ingin makan ikan paus tetapi tidak boleh," kata kepada Reuters pada majlis pelancaran berkenaan.

Syarikat itu melancarkan pembukaan mesin layan diri produk itu di Motomachi, Yokohama, baru-baru ini.

Dalam pada itu, jurucakap syarikat itu berkata, produk yang dijual kebanyakannya mengandungi ikan paus yang ditangkap di Jepun dengan harga antara 1,000 yen

DAGING MESIN LAYAN DIRI

Hm 31/1/2023 Ms: 28



PELANGGAN membeli produk daging paus di mesin layan di Yokohama.

(RM32.56) hingga 3,000 yen (RM97.69).

Syarikat itu yang sebelum ini turut menujuhkan dua cawangan sama di Tokyo merancang membuka cawangan keempat di bandar ba-

rat Osaka bulan depan selain menyasarkan 100 lokasi dalam tempoh lima tahun.

Data kerajaan menunjukkan, penggunaan daging ikan paus di Jepun hanya 1,000 tan pada 2021 berband-

ding 2.6 juta tan untuk ayam dan 1.27 juta untuk daging lembu.

Pada kemuncaknya pada tahun 1962, penggunaan daging ikan paus tahunan ialah 233,000 tan.

Ketua Dasar Jepun Pemuliharaan Paus dan Dolphin (WDC), Katrin Matthes berkata, langkah untuk mempromosikan daging ikan paus adalah percubaan terdesak untuk menghidupkan semula minat dalam perniagaan yang sedang bergelut.

"Kebanyakan orang Jepun tidak pernah mencubanya.

"Jadi bagaimana ia boleh menjadi sesuatu yang anda panggil budaya di seluruh negara jika tiada seseiapa yang benar-benar menyertainya?" katanya.